

AMANAT
YAB DATO' SERI ABDULLAH HJ AHMAD BADAWI
BERSEMPENA DENGAN TAHUN BARU CINA 2006
28 JANUARI 2006

Kita sebagai Rakyat Malaysia sememangnya bertuah kerana dapat bersama meraikan serta berkongsi kemeriahan pelbagai perayaan masyarakat berbilang bangsa dan agama yang ada di negara kita. Tahun baru 2006 baru sahaja disambut dalam suasana penuh ceria dan harmoni dan kini, kita akan sama-sama menyambut Tahun Baru Cina dalam suasana muhibah dan dengan semangat kekitaan yang sejati.

Sewajarnya kita berbangga kerana sebagai sebuah negara yang baru 48 tahun merdeka, kita telah melangkah maju dan jauh bertunjangan kejayaan dan pencapaian cemerlang di dalam pelbagai bidang. Pada masa yang sama, kita dapat terus mengekalkan keamanan dan keharmonian negara. Hakikatnya, kejayaan kita ini adalah kerana semangat muhibah dan kerjasama yang kita jalinkan sebagai Rakyat Malaysia, tanpa mengenal bangsa dan agama.

Namun, kita harus sedar bahawa suasana aman dan harmoni yang kita kecapai sekarang ini tidak datang dengan mudah dan tanpa kerja keras. Sebagai sebuah negara, kita telah bertungkus-lumus untuk mencapai matlamat ini dan harus sentiasa berusaha untuk mengekalkannya, agar sebarang keretakan atau pergeseran yang boleh menggugat keharmonian dan keseimbangan yang telah kita jalin dapat kita elakkan.

Adat hidup bermasyarakat, perasaan sensitif semua pihak perlu dijaga. Bahawa setiap apa yang kita ingin katakan atau lakukan, janganlah hanya memikirkan diri sendiri tetapi perlu mengambil kira semua pihak di sekeliling kita. Kita telah berjaya mewujudkan satu suasana di mana perbezaan bukan sahaja diakui, diterima dan ditoleransikan, malah diraikan bersama. Sekiranya semangat ini berkecai, mungkin sukar untuk ia diwujudkan semula.

Tahun baru pastinya turut membuka sebuah lembaran dengan pelbagai peluang baru. Justeru, ketibaan tahun baru ini seharusnya disambut dengan resolusi atau azam baru bagi setiap dari kita. Azam pastinya akan menetapkan halatuju, dan bagi mencapai halatuju, kita perlulah merancang dan menyusun strategi untuk mencapainya. Strategi dan perancangan yang teliti serta disusuli dengan pelaksanaan yang berkesan akan memastikan agar azam yang ingin dicapai akan terlaksana dan bukan tinggal sebagai impian semata-mata.

Untuk itu, marilah kita sama-sama menanamkan azam di tahun baru ini, untuk terus bersatu dan berusaha, bukan sahaja untuk diri kita tetapi juga untuk Negara ini agar kita terus melangkah maju dan berjaya mengikut acuan kita sendiri. Kita jangan alpa

dengan kejayaan yang ada kerana cabaran getir di masa hadapan menuntut kita agar lebih perkasa dan bersedia untuk menghadapinya bersama. Kita perlu memastikan agar tahun yang akan datang ini akan lebih baik dari yang sebelumnya. Bersama kita kongsiikan satu jiwa, satu semangat dan satu minda, demi Malaysia yang tercinta.

Selamat menyambut Tahun Baru Cina untuk semua Rakyat Malaysia.

Pejabat Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
Putrajaya

27 Januari 2006